



PELAKSANAAN SEGERA TAMAN INDUSTRI KERIAN BUKTI KESUNGGUHAN KERAJAAN PERPADUAN MEMPERKASA SEKTOR TEKNOLOGI HIJAU

Pelaksanaan segera Taman Industri Kerian adalah bukti kesungguhan Kerajaan Perpaduan memperkasa sektor teknologi hijau. Sehubungan itu, peluncuran **Pelan Induk *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP)** telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini, yang juga merupakan satu lagi pendekatan dan pelaksanaan agresif oleh **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)** untuk merealisasikan agenda **Ekonomi MADANI**.

Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP pada hari ini adalah **susulan** perancangan Kerajaan MADANI untuk **membangunkan kawasan perindustrian berteknologi tinggi** di daerah Kerian, Perak, yang telah diumumkan semasa pembentangan **Belanjawan 2024**. KIGIP merupakan satu projek **taman perindustrian** yang akan dijana oleh **tenaga solar** sebagai **sumber tenaga hijau utama**. Peluncuran pada hari ini merupakan sebuah acara simbolik bagi proses **penyediaan Pelan Induk KIGIP** yang sedang disiapkan menerusi kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak, SD Guthrie Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Kolaborasi swasta-awam ini mencerminkan pendekatan senegara (***whole of government***) dalam menggiatkan landskap ekonomi Malaysia yang bukan sahaja tertumpu kepada usaha menangani cabaran sedia ada, malahan turut fokus kepada bidang-bidang sasaran utama untuk mencapai pertumbuhan dan daya tahan mampan sektor perindustrian. Projek KIGIP ini juga adalah selari dengan polisi dan dasar Kerajaan di bawah **Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan – NIMP) 2030**, **Strategi Semikonduktor Nasional (SSN)**,

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap - NETR) serta Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri (ESG) Kebangsaan (i-ESG).

Selepas dilaksanakan kelak, KIGIP akan menjadi **salah satu hab di utara Malaysia untuk menyemai bakat dan inovasi**, berdasarkan lokasinya yang strategik dan berdekatan dengan pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran tinggi, institusi TVET dan Pusat Latihan Giat MARA. Lokasi strategik ini akan memastikan bekalan graduan mahir mencukupi untuk mengisi jawatan berkemahiran dan bernilai tinggi yang diperlukan oleh industri, di samping membangunkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran untuk terus berkembang maju.

Tengku Zafrul berkata, “Pelaksanaan KIGIP sebagai sebuah *greenfield project* selepas hanya lapan bulan diumumkan melalui Bajet 2024 mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan **projek-projek yang berkepentingan nasional**. Sebagai sebuah **ekosistem dan infrastruktur industri berteknologi tinggi dan termaju**, MITI melihat KIGIP sebagai satu **pemangkin ekonomi strategik** bagi menarik **pelaburan berkualiti tinggi**. KIGIP berpotensi **menjana aktiviti ekonomi, serta menarik pelaburan berkualiti** terutamanya di dalam sektor-sektor seperti elektrik dan elektronik termasuk semikonduktor, logistik, ICT serta industri berasaskan pengetahuan. Yang lebih penting, **pelaburan tersebutlah yang bakal menyediakan peluang perniagaan kepada syarikat domestik, dan juga mencipta peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.**”

Sebagai sebuah taman industri yang berteraskan teknologi tinggi, KIGIP akan dilengkapi **ciri-ciri utama** berikut:

- (i) Lokasi yang **strategik** menerusi **akses** yang mudah ke Lebuhraya Utara Selatan, serta keterhubungan dengan hab logistik utama seperti lapangan terbang, pelabuhan dan stesen keretapi;
- (ii) **Zon Perindustrian Utama** dengan keluasan kira-kira **1,000 ekar**, dengan premis dan infrastruktur bagi kegunaan industri dan komersial, termasuk kawasan perumahan dan persekitaran hijau;
- (iii) **Ladang solar** seluas **660 ekar** yang berupaya membekalkan sumber tenaga hijau;

- (iv) **Hab inovasi dan bakat tempatan** yang berupaya menjana peluang pekerjaan berdasarkan lokasi yang berdekatan dengan enam (6) universiti, lapan (8) institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training* - TVET) dan 11 Pusat Latihan Giat MARA.

KIGIP bakal menawarkan **kehidupan lestari** kepada pelabur, perniagaan dan komuniti berlandaskan kepada **integrasi taman perindustrian, persekitaran hijau serta tenaga boleh diperbaharui**. Ianya juga bakal menjadi model pembangunan dan penanda aras bagi **taman perindustrian lestari di masa hadapan**.

Proses penyediaan Pelan Induk KIGIP oleh SD Guthrie Berhad akan dilaksanakan dan dipantau di bawah **Pasukan Petugas Khas Pembangunan KIGIP** yang **dipengerusikan secara bersama MITI dan Kerajaan Negeri Perak**. Status penyediaan Pelan Induk ini juga akan **dilaporkan secara berkala** kepada **Majlis Pelaburan Negara** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

15 JUN 2024

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603 6200 0082

Fax : +603 6206 4293

E-mail : alluks@miti.gov.my

